

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG  
RENGGAM ]**

**TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi menggalakkan orang ramai untuk membuat aduan tentang perkara berkaitan salah guna kuasa serta kes rasuah memandangkan terdapat kajian yang menyatakan 49 peratus responden tidak bersedia untuk berbuat demikian.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari semasa ke semasa, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh SPRM untuk menggalakkan masyarakat menyalurkan maklumat dan aduan berkaitan salahguna kuasa serta kes rasuah kepada SPRM. Dalam setiap program pendidikan masyarakat, antara perkara yang mesti dijelaskan adalah mengenai kewajipan membuat laporan rasuah dan perlindungan kepada pemberi maklumat dan saksi kes rasuah. Semenjak Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010, seramai 39 orang telah diberi perlindungan.

Antara langkah-langkah yang diambil SPRM bagi menggalakkan orang ramai tampil membuat aduan mengenai rasuah adalah:

- i) SPRM menggunakan Sistem Pengurusan Aduan (*Complaint Management System* atau CMS) bermula Julai 2012. Ini adalah untuk memudahkan orang ramai membuat aduan, selain datang sendiri ke pejabat SPRM. CMS bertindak sebagai pusat khidmat setempat di mana semua maklumat yang diterima daripada pelbagai punca akan didaftar dan diuruskan. Pengadu yang didaftarkan dalam CMS akan diberikan pemakluman dan nombor rujukan yang akan digunakan untuk mengetahui status aduan melalui portal. Selain capaian di portal, pengadu juga diberikan notifikasi melalui e-mel yang dihantar terus dari sistem

ini. Aduan dalam sistem ini juga dipantau secara berkala bagi memastikan tiada aduan yang akan terlepas pandang atau tidak diambil tindakan.

- ii) SPRM turut melancarkan kempen-kempen yang dibuat melalui dua (2) pendekatan utama iaitu:
  - a) aktiviti bersemuka yang dilaksanakan melalui ceramah, seminar, perbincangan meja bulat, dialog, dan sebagainya; dan
  - b) kempen melalui media menggunakan sepenuhnya sama ada media elektronik, media cetak dan media baru. Kempen SPRM juga diperluas termasuk di kenderaan pengangkutan awam, premis komersial, papan iklan dan *variable messages system* (VMS) di jalan raya.

Kempen SPRM bukan sahaja mengharapkan masyarakat untuk melaporkan perbuatan rasuah tetapi ia juga bagi memastikan masyarakat dapat memberikan laporan yang berkualiti. Ini kerana, setiap tahun SPRM menerima lebih kurang 10,000 maklumat daripada orang ramai. Daripada jumlah, separuh sahaja yang berkaitan rasuah.

Dengan pendedahan mengenai jenis dan bentuk kesalahan rasuah menurut Akta SPRM 2009, diharap maklumat dan aduan yang diterima adalah berkaitan jenayah rasuah, lengkap, dapat bertindak (*pursuable*) dan dapat dikesan (*traceable*) pelakunya.

Sekian, terima kasih